



Ahad – 14 Mac 2021

PEMIKIRAN BAHARU
**Utusan
Malaysia**

Halaman :

Malaysia
Ahad 14 Mac
2021.

Kedaifan jeti Orang Asli

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
rohaizah.zainal@mediamulia.com.my

PELABUHAN KLANG: Tindakan individu tidak bertanggungjawab membuang pakaian terpakai di Jeti Orang Asli Pulau Indah di sini baru-baru ini membangkar kedaifan kehidupan golongan itu.

Walaupun jeti itu hanya sementara dan bukannya tempat tinggal tetap bagi nelayan tersebut, namun kawasan itu tidak cerurus, kotor, berbau busuk dan dipenuhi sampah sarap.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Tok Batin, Intan Pinjuk berkata, terdapat kira-kira 10 buah rumah yang dibina nelayan untuk dijadikan penempatan sementara di jeti tersebut sebagai tempat menunggu.

"Semua nelayan membina rumah itu menggunakan duit sendiri bagi memastikan bot atau peralatan nelayan dicuri.

"Kami pernah memohon bantuan Jabatan Perikanan tetapi tidak diluluskan, tiada mananya pihak yang membantu kami."

Katanya, permohonan untuk membina jejantas juga tidak diluluskan pemaju kawasan itu.

"Walaupun jarak kampung



KEADAAN jeti Orang Asli di Pulau Indah, Pelabuhan Klang, Selangor yang kotor dan berbau busuk akibat tindakan individu menjadikan kawasan itu sebagai tempat membuang sampah termasuk sisa kilang.

kami dengan jeti tidak sampai 100 meter, tetapi kedudukan jeti di seberang jalan mendahului penduduk kepada risiko kemalangan," katanya.

Intan berkata, kini dia menunggu kelulusan permohonan

untuk menaik taraf beberapa buah rumah di perkampungan itu yang telah dimohon sejak enam bulan lalu.

Sementara itu seorang nelayan, Napi anak Rahatan, 35, berkata, jeti nelayan itu mula

menjadi kotor apabila ada individu membuang pelbagai sisa buangan di kawasan tersebut.

"Mereka membuang sisa kilang atau apa sahaja termasuk pakaian terpakai pada waktu malam," katanya.